

# Kealiman al-Sakhawi

Al-Sakhawi ialah guru al-Quran tersohor di Damsyik dan murid kepada Imam al-Syatibiy



Bicara Qiraat

Oleh KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

**S**UMBANGAN besar Imam al-Syatiby (meninggal pada 590 Hijrah) ialah menulis karya yang menjadi rujukan dalam pelbagai ilmu berkaitan al-Quran seperti qiraat, rasm dan ilmu bilangan ayat al-Quran yang dipanggil al-Fawasil. Antara karyanya ialah *Hirz al-Amani*, *Nazimat al-Zuhri* dan *Aqilah Atrab al-Qasaid*.

*Hirz al-Amani* atau terkenal dengan *Matn al-Syatibiyyah* mempunyai tarikannya yang tersendiri dengan susunan bahasa yang mantap dan indah. Ramai ulama yang memberi pujian antaranya; Imam Ibnu al-Jazari (meninggal 833 Hijrah) Imam al-Qastalani (meninggal 923 Hijrah) dan lain-lain.

Namun terdapat juga mereka yang memberi teguran dengan mendakwa bahasa yang digunakan tidak sesuai dan susah untuk memahaminya.

Lantas Imam al-Syatibiy menjawab teguran tersebut dengan menyatakan Wahai Tuan, Allah SWT akan menguatkan *matn* ini dengan seorang pemuda yang akan menghuraikannya.

Imam Abu Syamah (meninggal pada 665 Hijrah) menyatakan selepas aku melihat al-Sakhawi mensyarah *matn Hirz al-Amani* aku amat yakin bahawa pemuda yang dimaksudkan oleh Imam al-Syatibiy untuk mensyarah *matn*nya ialah al-Sakhawi.


Al-Sakhawi menyatakan pernah mendengar gurunya al-Syatibiy berkata kalaulah di kalangan pelajaraku ada kebaikan dan keberkatan, akan ada di kalangan mereka yang membuat rumusan *matn* ku yang tidak pernah terlintas dalam fikiranku.

Nama penuh al-Sakhawi ialah Ali Ibnu Muhammad Ibnu Abdul Samad Abu al-Hasan al-Hamdani al-Sakhawi. Lahir pada 558 hijrah dan meninggal dunia pada 643 Hijrah. Beliau terkenal dengan pakar tafsir, alim dalam bidang bahasa Arab dan guru al-Quran tersohor pada zamannya di Damsyik.

Kealiman al-Sakhawi dalam pelbagai disiplin ilmu mendapat penghargaan ulama antaranya; Imam Ibnu al-Jazari yang menyatakan al-Sakhawi ialah seorang imam, sangat alim, muqri', pengetahuan luas dalam ilmu qiraat, imam dalam ilmu nahu, bahasa Arab dan tafsir, alim dalam fiqh dan usulnya, arif dalam bab adab, disulami dengan tawaduk, mahabah dan akhlak yang terpuji.

Dalam ilmu qiraat, al-Sakhawi mendapat didikan daripada guru yang amat dihormatinya iaitu Imam al-Syatibiy. Beliau bertalaqi qiraat dan membaca *Matn al-Syatibiyyah* di hadapan gurunya dengan mendapat ijazah ketika usia al-Sakhawi 27 tahun.

Selepas berpuas hati dengan penguasaan al-Sakhawi dalam ilmu qiraat, Imam al-Syatibiy menganugerahkan ijazah memperakui kesahihan bacaan dan ilmu al-Sakhawi. Di



**KARYA** al-Sakhawi yang mensyarah *Matn al-Syatibiyyah* adalah pencetus kepada huraian *matn Syatibiyyah* oleh ulama selepasnya hingga ke hari ini. - Gambar hiasan

**Al-Sakhawi adalah seorang ulama yang terkenal dalam bidang ilmu qiraat dan beliau adalah murid kepada Imam al-Syatibiy**

akhir ijazah tersebut terdapat kata-kata ditulis Abu al-Qasim (gelaran kepada Imam al-Syatibiy) pada akhir Syaaban 584 Hijrah.

Selepas beberapa ketika di Mesir, al-Sakhawi bermusafir ke Damsyik. Sebelum pelayarannya, gurunya, Imam al-Syatibiy berpesan jika kamu sampai ke Syam belajarlah al-Quran dengan al-Kindi dan jangan meriwayatkan daripadanya. Justeru, al-Sakhawi bertalaqi al-Qiraat dan mendalami ilmu nahu, lughah dan adab dengan al-Kindi.

Menurut al-Qadhi Ibnu Khallikan, aku pernah melihat al-Sakhawi di kota Damsyik dan manusia mengelilinginya

menuntut ilmu di masjid. Imam al-Zahabi pula menyatakan aku tidak mengetahui seorang pun di kalangan Qurra yang mempunyai murid seramainya.

Kesimpulannya, al-Sakhawi adalah seorang ulama yang terkenal dalam bidang ilmu qiraat dan beliau adalah murid kepada Imam al-Syatibiy. Karyanya yang mensyarah *Matn al-Syatibiyyah* adalah pencetus kepada huraian *matn Syatibiyyah* oleh ulama selepasnya hingga ke hari ini.

● PENULIS ialah pensyarah di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)